

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI DI HARI BANGSA-BANGSA BERSATU PADA 24 OKTOBER 1967

Hari ini ialah hari ulangtahun yang ke-22 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu – hari untuk tiap-tiap orang yang mempunyai perasaan muhibbah di seluruh alam ini dapat membaharui kepercayaan mereka pada dasar dan tujuan piagam yang mereka telah berikrar hendak dijunjung tinggi.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah ditubuhkan oleh 51 negara-negara ahli sesudah tamatnya Peperangan Dunia Kedua dengan tujuan untuk mengelakkan berlakunya lagi bencana seperti itu. Dengan tambahnya negara-negara mencapai kemerdekaan daripada belunggu penjajah, Pertubuhan ini telah bertambah besar dari segi bilangan ahli yang kini menjadi 122 kesemuanya. Tujuan Bangsa-bangsa Bersatu telah nyata diterangkan dalam piagamnya, oleh itu tidak perlu bagi saya menerangkan dengan lanjutnya disini.

Seperti yang telah saya katakan tadi, 22 tahun telah lepas sejak tertubuhnya badan sedunia ini, dan di dalam masa itu pertubuhan ini telah berjaya mengelakkan beberapa krisis di mana setengah daripadanya telah mengancam jiwanya sendiri. Tidaklah boleh dinafikan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu oleh sebab beberapa pembatasan telah tidak berjaya mencari penyelesaian bagi semua masalah yang dihadapinya dan juga tidak dapat pula menjalankan setengah-tengah daripada ketetapan oleh kerana beberapa sebab. Namun demikian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah tempat harapan bagi semua manusia untuk mengekalkan ketenteraman dan keselamatan antarabangsa dan bagi meninggalkan lagi taraf hidup semua manusia di dunia ini.

Tahun yang baharu sahaja tamat telah mengemukakan beberapa masalah antarabangsa dan setengah daripadanya telah menduga keteguhan pertubuhan ini. Jalan mencari keamanan tidak begitu senang didapati! Di dalam masa yang lampau banyak sekali telah tercapai oleh Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kita hanya perlu mengingatkan kejayaan yang telah dicapainya di dalam masalah Irian Barat, Palestin, Kashmir, Korea, Congo dan Cyprus. Namun demikian Malaysia tidak puas hati dan sedih kerana hingga ini Bangsa-bangsa Bersatu masih gagal untuk mencari suatu penyelesaian yang adil berhubung dengan pertikaian di Timur Tengah. Soalan pihak yang manakah yang memulakan pencerobohan kini menjadi masalah akademik sahaja. Tetapi akibat daripada tembakan yang pertama ataupun yang sebenarnya pencerobohan oleh Israel telah menimbulkan kekhuatiran yang hebat kepada negara-negara Arab semasa peta politik daerah Timur Tengah sedang mengalami perubahan yang besar. Pada zaman ini cara mengubah 'status quo' politik sesuatu daerah itu dengan kekerasan kuasa tentera adalah tidak dapat diterima lagi dan menyalahi pada prinsip utama Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Perbuatan demikian boleh menjadi satu teladan yang merbahaya yang mungkin mengancamkan asas keselamatan dan keamanan

negara-negara yang kecil di mana-mana bahagian di dunia ini. Saya berharap dengan sesungguhnya keadaan seperti ini tidak akan dibiarkan berpanjangan oleh kuasa-kuasa besar di Bangsa-bangsa Bersatu dan diharapkan satu penyelesaian dapat dikemukakan dengan secepat mungkin.

Bangsa-bangsa Bersatu telah memainkan peranan yang penting bagi memujuk Afrika Selatan supaya memberhentikan dasar apartheidnya yang kejam itu, malangnya segala pujukan ini telah tidak dihiraukan. Bangsa-bangsa Bersatu juga telah menyeru semua negara-negara supaya berhenti menjual dan menghantar alat-alat ketenteraan kepada Afrika Selatan. Seterusnya Bangsa-bangsa Bersatu telah juga meminta supaya semua negara memutuskan hubungan perniagaan dan diplomatik sama sekali dengan negara itu (Afrika Selatan) dan seterusnya mengecam sikap beberapa negara-negara yang berniaga dengan Afrika Selatan dalam soalan ini. Malangnya negara-negara Barat yang maju serta mempunyai perusahaan yang berdaya upaya untuk menghasilkan perubahan yang berkesan tidak bersungguh-sungguh mengambil berat untuk membawa keadilan ke daerah ini (Afrika Selatan). Marilah kita berharap agar keadaan yang tidak diinginkan ini tidak berkekalan dan negara-negara yang tidak mematuhi keputusan-keputusan dan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu itu membuat pengorbanan demi keadilan dan seterusnya memberi sokongan yang penuh kepada Bangsa-bangsa Bersatu bagi menegakkan hak asasi dan 'dignity' tiap-tiap makhluk.

Di dalam bidang ekonomi dan kemasyarakatan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi sumbangan yang amat besar bagi membantu negara-negara yang sedang membangun di dalam segi pembinaan ekonomi, menempatkan kembali orang-orang pelarian, memberi pertolongan dan kesenangan kepada yang sakit dan seterusnya memperbaiki taraf hidup di mana saja. Namun begitu, masih banyak lagi yang seharusnya mesti dijayakan di dalam lapangan ini, terutama sekali di dalam lapangan perniagaan dan pembangunan, di mana hanya sedikit sahaja kemajuan tercapai oleh kerana negara-negara yang telah maju di dalam lapangan perusahaan masih enggan mengubah dasar perniagaan mereka yang mempunyai sekatan-sekatan (*trade policy*). Bagi negara yang sedang membangun, seperti Malaysia yang sedaya upaya mencuba mengukuhkan ekonominya, dasar perniagaan yang terbatas ini merupakan satu kesulitan yang besar. Bagi Malaysia, terutama sekali pada tahun ini apabila harga getah satu daripada dagangan yang terutama, telah jatuh begitu rendah, dasar perniagaan yang terbatas ini amat membimbangkan.

Di Asia Tenggara penubuhan ASEAN baru-baru ini memberi harapan baik untuk kerjasama daerah dalam bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah satu perkembangan yang munasabah dan saya percaya pertubuhan daerah yang sama akan diadakan di lain tempat terutama sekali di antara negara-negara yang sedang membangun bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial. Marilah kita berharap agar semua Suruhanjaya-suruhanjaya Daerah dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan lebih giat lagi membantu pertubuhan-pertubuhan daerah ini di masa hadapan.

Segala kekurangan-kekurangan ini sepatutnya tidak menyebabkan kita merasa kecewa, sebaliknya haruslah mendorong semua negara-negara ahli untuk

melebihkan daya usaha dan fikiran bagi menjadikan pertubuhan ini satu badan yang efektif bagi mencapai segala tujuan-tujuan dan cita-cita-piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Marilah kita pada hari ini, hari ulangtahun yang ke-22, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, bersama-sama menjunjung yang tinggi dan berdamping untuk menegakkan prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan yang tercatat di dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu serta membaharui keazaman kita untuk mencapaikan bagi keturunan kita suatu dunia yang tidak mengetahui peperangan di mana hak asasi dan kehormatan manusia itu terjamin, di mana perlembagaan dan undang-undang senantiasia dihormati dan segala kemajuan sosial ekonomi dan taraf kehidupan yang lebih tinggi menjadi faktor-faktor yang mendorong masyarakat kita.